



MAKLUMAN KEPADA PELANGGAN

Ruj: JPE/BPH/07/01

08 Sya'ban 1444H
02 Mac 2023M

PENGGANTIAN METER ELEKTRIK PRABAYAR DAN PASCABAYAR KEPADA METER PINTAR (SMART METER)

Sukacita dimaklumkan bahawa pada masa ini kerja-kerja penggantian semua meter elektrik prabayar dan pascabayar diseluruh Negara kepada meter pintar sedang dalam pelaksanaan dibawah projek *Unified Smart Metering System* (USMS). Projek ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Syarikat DST Network Sdn Bhd (DSTN) dan disokong oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik selaku utiliti elektrik utama di Negara Brunei Darussalam.

Pihak Jabatan ingin menyeru orang ramai untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak DSTN bagi melicinkan lagi pelaksanaan program penggantian meter-meter elektrik yang sedia ada kepada meter pintar.

Untuk makluman, tiada perubahan kepada tarif elektrik yang sedia ada walaupun dengan penggunaan meter pintar. Baki token elektrik dari meter prabayar lama akan dipindahkan ke meter pintar dalam masa tiga hari selepas penukaran meter pintar. Pengguna akan menerima notifikasi melalui SMS setelah baki token meter prabayar terdahulu dipindahkan ke meter pintar.

Pihak Jabatan memohon maaf diatas kesulitan yang berbangkit daripada kerja-kerja diatas dan akan terus berusaha memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan.

REPLACEMENT OF ELECTRICITY PREPAID AND POSTPAID METER TO SMART METER

We are pleased to inform that the Government is currently rolling out replacement program of all electricity prepaid and postpaid meters to smart meters nationwide through the Unified Smart Metering System (USMS) project. This project is fully implemented by DST Network Sdn Bhd (DSTN) and is supported by the Department of Electrical Services (DES) as the main electricity utility in Brunei Darussalam.

The Department would like to urge the public to give full cooperation in ensuring smooth implementation of the replacement of existing electric meters to smart meters.

There is no change in the existing electricity tariff with the use of smart meter. The electricity token balance from the old prepaid meter will be transferred to the smart meter within three working days after the smart meter installation. The Department will notify users via SMS once the balance is transferred to their smart meters.

The Department apologizes for any inconvenience caused and will continue to provide reliable service to all customers.

"Puasa Mendidik Jiwa Bertakwa"
"Penjimatan Tenaga Cara Hidup Kitani"

BAHAGIAN PENGURUSAN HASIL
BP. PENGARAH PERKHIDMATAN ELEKTRIK

SURAT INI DIJANA DARI KOMPUTER DAN IANYA TIDAK MEMERLUKAN TANDATANGAN

☎ 673-2387000

☎ 673-2382271

✉ des.info@des.gov.bn

🌐 www.des.gov.bn